**PEJABAT BENDAHARI**
Tel : +606 331 6188/6189 | Faks : +606 331 6115
Emel: bendahari@utem.edu.my

Rujukan Kami (Our Ref) : 03.04.01/100-3/100-3/3/2 Jilid.5 (7)

17 Syaaban 1436H
4 Jun 2015

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 7/2015**

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan,

**PINDAAN PERATURAN KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH UTeM**

**1.0 TUJUAN**

1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pindaan ke atas peraturan Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih UTeM.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Di peringkat Universiti, peraturan di atas telah diguna pakai melalui Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010 dengan kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 22 Oktober 2009.

2.2 Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan telah mencadangkan agar mewujudkan kemudahan pembayaran tambahan penggunaan pelan data di dalam peraturan kemudahan alat komunikasi mudah alih yang sedia ada kepada staf yang berkelayakan.

2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2015 telah meluluskan cadangan di atas pada 2 April 2015.

2.4 Kelulusan tambahan kemudahan bayaran penggunaan pelan data ini tidak meminda apa-apa peraturan semasa yang diguna pakai dan merupakan tambahan kemudahan kepada skop yang sedia ada.

## 3.0 PINDAAN

3.1 Selaras dengan pemakaian Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/2010, berikut adalah pindaan bagi perenggan yang berkaitan:

| **Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010** | **Surat Pekeliling Bendahari Bil. 7/2012 (Penjelasan)** | **Pindaan** |
|---|---|---|
| 4.5 Caj Bulanan | Bayaran caj panggilan yang ditanggung oleh UTeM bagi pegawai yang layak termasuk caj panggilan suara, caj panggilan data (mengakses *internet*, muat turun dan seumpamanya), penggunaan e-mel, SMS, MMS, bayaran bulanan perkhidmatan *Blackberry* (BES/BIS). | Bayaran caj panggilan yang ditanggung oleh UTeM bagi pegawai yang layak termasuk caj panggilan suara, caj panggilan data (mengakses *internet*, muat turun dan seumpamanya), penggunaan e-mel, SMS, MMS, bayaran bulanan perkhidmatan *Blackberry* (BES/BIS) dan **bayaran bulanan pelan data**. |

3.2 Pembayaran tambahan penggunaan pelan data ini adalah tertakluk kepada nilai maksimum caj bulanan yang diluluskan dengan mengambilkira caj panggilan dan caj lain yang dibenarkan yang dituntut bagi bulan tersebut.

**4.0 TARIKH KUAT KUASA**

4.1 Semua PTj adalah tertakluk kepada garis panduan ini.

4.2 Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010 dan Surat Pekeliling Bil. 7/2012 hendaklah juga dibaca bersekali.

4.2 Pekeliling ini berkuat kuasa dengan serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,

**KHAIRUL BIN TAIB**
Bendahari
Pejabat Bendahari
06-555 2006

s.k. YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib
Naib Canselor

YBhg. Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Rujukan Kami (Our Ref) : 03.04.01/100-3/100-3/3/2 Jilid.5 (7)

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 7/2015**

YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani bin Mohd. Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

YBhg. Prof. Madya Dr. Izaidin bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

YBhg. Datuk Prof. Dr. Zolkepli bin Buang
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)